

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) dalam memerangi virus zika, apakah usaha pihak Kementerian dalam kempen kesedaran orang awam, kawalan serangga pembawa vektor, mengesan dan tindakan cepat dan menyelia dan kolaborasi dengan agensi Kerajaan yang lain dan pihak NGO ke arah usaha ini; dan
- (b) berapa ramaikah mangsa yang telah dijangkiti virus zika serta yang melibatkan kematian menurut pecahan negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit Zika telah menular ke negara ini dengan kes pertama dilaporkan di Klang pada 31 Ogos 2016. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun mengeluarkan "*Zika Alert*" dan

arahan pentadbiran untuk pemantauan dan pengurusan jangkitan virus Zika bermula pada 4 Februari 2016 kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), hospital dan makmal swasta serta Persatuan Perubatan Malaysia. "*Updated Zika Alert*" dan arahan pentadbiran ini telah dikemaskini pada 11 September 2016 dan boleh didapati dalam portal KKM.

Bagi menjawab soalan mengenai usaha-usaha dan kempen kesedaran kepada orang awam, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut :-

1. Menyampaikan maklumat kepada masyarakat menggunakan media arus perdana seperti *TV*, *radio* dan *akhbar* sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat negeri menggunakan saluran media tempatan;
2. Meletakkan bunting di semua pintu utama lapangan terbang antarabangsa seperti KLIA, KLIA2, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Lapangan Terbang Antarabangsa P.Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching;
3. Mengeluarkan kenyataan akhbar secara berkala mengenai situasi semasa Zika melalui semua media serta dipaparkan di laman web rasmi KKM;
4. Menggunakan media sosial secara aktif untuk menyebarkan maklumat tentang penyakit Zika dan kaedah pencegahan dalam

bentuk slaid, video dan infografik yang dikongsikan melalui *WhatsApp*, *Facebook CPRC*, *Facebook Cari dan Musnah*, *Facebook KKM*, *Twitter KKM* dan *Youtube*;

5. Mengedarkan bahan-bahan bercetak pendidikan kesihatan dalam bentuk *flyers*, poster, risalah, dan kad amaran untuk menyampaikan informasi pencegahan Zika kepada masyarakat dan ia juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang seperti Infosihat;
6. Memberi pendidikan kesihatan berkaitan Zika secara *interpersonal* kepada pengunjung dan pesakit yang datang ke fasiliti kesihatan melalui ceramah, perbincangan kumpulan kecil, pameran dan edaran bahan pendidikan Kesihatan;
7. Memberikan penerangan mengenai Zika kepada warga sekolah, warga universiti dan ahli keluarga mereka melalui Kelab Doktor Muda dan PROSIS. Di samping itu, kelab ini juga terlibat dengan aktiviti gotong-royong dan “*Search and Destroy*” di kawasan-kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* yang membabitkan komuniti tempatan; dan
8. KKM turut melaksanakan inisiatif menggerakkan komuniti melalui pasukan COMBI (*Communication for Behavior Impact*) untuk menyampaikan maklumat berkaitan Zika, melakukan aktiviti gotong-royong, “*search and destroy*” tempat-tempat pembiakan *Aedes* dan aktiviti pendidikan kesihatan seperti

tunjuk cara, nasihat individu dan edaran risalah kepada masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi setiap kes yang memenuhi kriteria definisi kes disyaki dan disahkan jangkitan virus Zika, hendaklah dikendalikan dengan segera dan sebagai “*public health emergency*”. Dalam perkara ini, KKM telah melakukan kaedah kawalan untuk kes Zika yang mana ia adalah sama seperti mengawal wabak denggi iaitu kawalan dalam lingkungan 400 meter dari kediaman kes indeks. Tujuannya adalah bagi memastikan penyebaran virus Zika dikawal sepenuhnya sebelum merebak kepada individu dan kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengesan dan tindakan cepat menangani penularan jangkitan Zika, Pejabat Kesihatan Daerah akan melakukan *Active Case Detection* (ACD) dan aktiviti pencegahan dalam lingkungan 400 meter dari kediaman kes indeks.

Di samping itu, kontek kepada kes indeks contohnya isi rumah (*household*) atau rakan sekelas yang menunjukkan gejala (*sign and symptom*) Zika, perlu diambil sampel darah dan air kencing untuk pengesanan virus Zika. Manakala penduduk tetap yang tinggal dalam lingkungan tersebut atau mana-mana pelawat yang telah tinggal di

kawasan itu yang menunjukkan gejala (*sign and symptom*) Zika, sampel darah dan air kencing juga akan diambil untuk pengesanan virus Zika. Aktiviti pencegahan dan kawalan ini akan diselia dan dipantau oleh Pegawai Kesihatan Daerah terlibat dan juga pegawai di Jabatan Kesihatan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani masalah Zika di negara ini, KKM juga telah mewujudkan kolaborasi dengan lain-lain agensi Kerajaan sama ada di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Pada peringkat kebangsaan, KKM telah menjalin kerjasama bersepadu bersama tujuh (7) kementerian dan lain-lain agensi melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Peringkat Kementerian. Jawatankuasa ini melibatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia serta lain-lain agensi seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan wakil kerajaan negeri Selangor. Kerjasama ini turut dilakukan pada peringkat negeri melalui Pasukan Petugas Khas Peringkat Negeri, manakala pada peringkat daerah, melalui Jawatankuasa Wabak Peringkat Daerah.

Di samping itu, KKM turut mengadakan kolaborasi bersama pihak swasta, badan profesional dan NGO terutama dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai Zika. iM4U adalah NGO yang turut turun padang membantu masyarakat terutama di kawasan hotspot bagi

menjalankan aktiviti gotong-royong, *search and destroy* dan nasihat individu dari rumah ke rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kes Zika yang telah disahkan positif di seluruh negara dari 31 Ogos sehingga 19 Oktober 2016, adalah sebanyak tujuh (7) kes iaitu Sabah (2 kes), Johor (2 kes), Selangor (1 kes), Sarawak (1 kes) dan Wilayah Persekutuan K.Lumpur & Putrajaya (1 kes). Setakat ini tiada kes kematian disebabkan oleh jangkitan Zika di negara ini.